

Persisi anjur Pesta Silat besar2an 29 MAY 1978 dalam Julai

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan Pesta Silat Kebangsaan secara besar-besaran Julai ini di Panggung Negara sempena Pesta Sukan Singapura. Demikian menurut setiausaha agungnya, Encik Johari Urif.

Pesta ini dijadualkan berlangsung pada 21 dan 22 Julai, sementara Pesta Sukan Singapura pula dari 1 Ogos hingga 11 September.

Encik Johari berkata: "Pesta ini terpaksa dilanjutkan kerana kedadangan Ramadhan pada Ogos dan September. Sebab itulah kami memutuskan untuk menganjurkannya pada Julai."

Sedikit perubahan akan dijalankan dalam pesta ketiga ini, tambahan, dalam usaha Persisi untuk menjadikan silat sebagai salah satu sukan.

Dua regu

Perubahan tersebut ialah dengan membahagikan kumpulan-kumpulan pensilat kepada empat bahagian menurut kumpulan umur.

Bahagian-bahagian itu ialah: Tunas pendekar (8 hingga 13 tahun), pendekar muda (13 hingga 18 tahun), pendekar (18 tahun dan ke atas) dan serikandi (untuk wanita dalam peringkat umur 12 tahun dan ke atas).

Setiap kumpulan itu, tambahnya, akan ditetapkan untuk mempunyai dua regu dengan empat orang ahli silat kecuali bahagian wanita di mana hanya satu regu dengan dua orang ahli silat diperlukan.

Bilangan regu bahagian wanita dikurangkan memandang tidak ramai wanita yang melibatkan diri dalam kegiatan ini, tegas Encik Johari.

Persembahan seni silat itu akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang menggunakan senjata dan satu lagi tanpa senjata.

Kumpulan

Pesta itu, kata Encik Johari akan dimeriahkan dengan pembahagian hadiah seperti berikut: Piala Pusingan Haji Ya'acob Mohamed, Piala Terbaik (bahagian senjata dan tanpa senjata).

Piala pusingan bagi tunas pendekar, pendekar muda, pendekar, serikandi dan banyak lagi hadiah sagu hati yang menarik untuk para peserta.

4 silat baru turut meriahkan pesta

- 1 JUN 1978

EMPAT jenis silat baru akan dipersembahkan dalam Pesta Silat Singapura anjuran Persisi, yang akan berlangsung di Panggung Negara pada 21 dan 22 Julai ini.

Kemunculan silat-silat Es-har, Pandangan Asli, Sipitung dan Al Haq akan dapat disaksikan dalam pesta yang akan menggabungkan 11 jenis silat.

Menurut Encik Johari, Urip, setiausaha Persisi, ini adalah kali pertama empat jenis silat itu akan dipersembahkan kepada ramai dalam Pesta anjurnya itu.

Dia juga menerangkan bahawa sebanyak 11 buah silat akan dipersembahkan oleh tujuh buah badan dalam pesta dua malam itu.

Sementara itu, katanya beberapa buah badan telah menyatakan kesanggupannya untuk menyertai pesta selama dua hari itu.

Badan-badan itu ialah Pertapis, Persatuan Bawean Singapura, Badan Kesenian Melayu, Pasak, Perwanit, Himpunan Queenstown dan Perpensis.

Jenis-jenis silat yang akan dipestakan ialah Silat Gayung, Macan Pas-

rah, Seligi Tunggal, Silat Harimau, Silat Kuningan, gabungan seni tari dan pencak Sunda, Silat Sunda, Silat Bawean dan Kuntaw Melaka.

Pertandingan malam pertama dikhasikan untuk peringkat tunas pendekar dan serikandi, semata-malum kedua puluh akan disikan dengan bahagian muda, pendekar, sumbangan silat dari badan-badan se-tempat dan penyampaian hadiah.

Setiap kumpulan akan menunjukkan persembahannya selama lima minit dan pesta dimulakan pada 7.30 malam. Tiket-tiket menonton berharga \$1, \$2 dan \$3.

Bagi badan-badan yang ingin menyertai pesta itu hendaklah mendapatkan borang-borang permohonan di alamat nombor 3, Jalan Pengaga, dan satu regu dikenakan bayaran \$3. Tarikh penutupnya ialah pada 7 Julai.

Persatuan silat baru akan dirasmi tak lama - 2 JUN 1978 lagi

SEBUAH lagi persatuan silat yang baru, dijangka akan dirasmikan penubuhannya di sini tidak lama lagi, ekoran daripada satu mesyuarat jawatankuasa sementaranya yang diadakan pada Sabtu malam lalu.

"Segala rancangan mengenai penubuhan persatuan ini telah pun dibincangkan. Apa yang perlu dijalankan sekiranya ialah mengemukakan permohonan tentang pembentukannya kepada Unit Kawalan Seni Pertahandiri (Marco), untuk mendapatkan kelulusannya."

Demikian menurut Encik Ahmad Kaspari, setiausaha bagi jawatankuasa sementara persatuan silat Es-Har itu.

"Kira-kira 60 orang yang berminat tentang pembentukan persatuan tersebut, telah hadir di pertemuan untuk membincangkan pembentukannya pada Sabtu malam yang lalu.

"Dan nampaknya mereka semua setuju dengan segala susunan mengenai perlembagaan persatuan yang bakal dibentuk itu dan bersetuju untuk mendaftarkan persatuan itu di bawah Marco.

Kegiatan

"Bila ditubuhkan nanti, kegiatan utama persatuan ini ialah untuk menyediakan kemudahan bagi orangramai yang ingin mempelajari seni silat ini."

"Sebagai permulaan ini, kami telah memilih tempat-tempat seperti di Pasir Panjang, Tanjong Pagar, Chua Chu Kang, Geylang Serai, Amber Road dan Kaki Bukit, untuk melatih mereka yang berminat dalam seni silat ini."

Lain-lain silat yang akan dipersembahkan dalam pesta tahunan itu termasuklah silat gayung, harimau, kuningan, seligi tunggal dan sebagainya.

Tiket-tiket untuk pesta itu sedang laris dijual dan boleh didapat dari semua pegawai Persisi dan kerabat-kerabatnya serta dari pejabat Persisi di No 3, Jalan Pengaga, Singapura 14.

Tiket-tiket berharga \$1, \$2, dan \$3.

"Tempat-tempat ini dipilih kerana di sini sudah ada instruktur-instruktur yang boleh melatih mereka yang hendak mempelajari seni silat tersebut," tegasnya.

Encik Ahmad menerangkan bahawa jawatankuasa sementara itu terdiri daripada: Encik-Encik A. Rahman Ismail (presiden), Aliman Hassan (naib presiden), Ahmad Kaspari (setiausaha), Mustafa Hamid (penolong setiausaha), Haris Samad (bendahari) dan A. Rahman Kassim (naib bendahari).

Ahli-ahli jawatankuasa biasanya pula terdiri daripada Encik-Encik Kassim Arifin, Karim Ibrahim, Sulat Ismail, M. Sham Wardi, Ahmad Ibrahim, Ibrahim Ahmad, A. Rahman Sukir, Awang Masto dan Zainal Junid.

Penuntut-penuntut yang ingin menjadi ahli hendaklah mendapatkan borang dari setiausaha dialamat Blok 9, 2709-G, Eunos Crescent, Singapura 14.